

## Kaedah Pengajaran Guru Bahasa Melayu Secara dalam Talian dan Inisiatif untuk Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Penggunaan *Google Classroom*

Online Teaching Methods for Malay Language Teachers and Initiatives to Improve Knowledge and Skills in Using Google Classroom

MOHD BADRUL HISYAM SULONG, WAN MUNA RUZANNA WAN MOHAMAD & M. KHALID M. NASIR

### ABSTRAK

*Pada era teknologi maklumat dan komunikasi yang berteraskan pembelajaran secara dalam talian, guru perlulah kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran agar dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dan menarik. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah pengajaran secara dalam talian dan inisiatif yang diambil oleh guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan Google Classroom. Kajian ini dijalankan secara kualitatif yang melibatkan enam orang guru Bahasa Melayu di sekolah rendah. Data temu bual dianalisis melalui kaedah tematik dengan menggunakan perisian Nvivo 12 dan dikategorikan mengikut tema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah perbincangan, kaedah penyelesaian masalah, kaedah pembelajaran kontekstual, kaedah pembelajaran berasaskan projek dan kaedah kelas berbalik merupakan kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu yang paling banyak digunakan secara dalam talian. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pembelajaran melalui tontonan di saluran Youtube, merujuk kepada guru pakar dan belajar melalui laman pembelajaran merupakan tiga inisiatif utama yang telah diambil oleh guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan Google Classroom.*

*Kata kunci: Kaedah pengajaran secara dalam talian; Google Classroom; inisiatif; pengetahuan dan kemahiran*

### ABSTRACT

*In the era of information and communication technology based on online learning, teachers need to be creative and innovative in diversifying teaching methods to create an interactive and interesting learning environment. This study aims to identify online teaching methods and initiatives taken by Malay language teachers to improve their knowledge and skills in using Google Classroom (GC). This study was conducted qualitatively involving six Malay language teachers in primary schools in the State of Terengganu. The interview data was analyzed through the thematic method using Nvivo 12 software and categorized according to theme. The findings of the study show that discussion methods, problem solving methods, contextual learning methods, project-based learning methods and flipped classroom methods are the most widely used online teaching methods by Malay language teachers. The findings of the study also show that learning through YouTube channels, referring to expert teachers and learning through learning sites are the three main initiatives that have been taken by Malay language teachers to improve their knowledge and skills in using GC. The variety of online teaching methods can create a more meaningful learning atmosphere and make teaching sessions more interesting compared to conventional methods. Malay language teachers should take the initiative to improve their knowledge and skills in using GC so that it can be implemented in teaching comprehensively and effectively.*

*Keywords: Online teaching methods; Google Classroom; initiative, knowledge and skills*

### PENGENALAN

Pembelajaran secara dalam talian sangat penting dalam dunia pendidikan hari ini selaras dengan kecanggihan teknologi yang semakin berkembang maju yang mana proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat diakses tanpa batasan.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah RM4.1 bilion untuk merealisasikan penggunaan pelantar pembelajaran dalam talian (Laporan Ketua Audit Negara 2013). Ini membuktikan bahawa kerajaan sangat komited untuk memenuhi keperluan

dan kepentingan teknologi dalam pendidikan. Sehubungan itu, semua guru perlu mengambil peluang ini untuk memvariasikan kaedah pedagogi terutamanya mengaplikasikan pembelajaran secara dalam talian demi memenuhi tuntutan masa depan dunia pendidikan yang semakin mencabar. Cabaran utama guru adalah memainkan peranan utama sebagai agen perubahan dalam membudayakan pedagogi terkini yang lebih berfokuskan kepada pembelajaran secara dalam talian.

Pembelajaran secara dalam talian mempunyai banyak manfaat yang mana menurut Mohd Noorhadi dan Zurinah (2017), penggunaan teknologi seperti *Google Classroom* (GC) dalam PdPc akan menjadikan pembelajaran lebih menarik dan produktif. Kenyataan ini disokong oleh Rajaendram (2019) yang menyatakan bahawa GC menawarkan pelantar pembelajaran dalam talian yang sangat mudah untuk dipelajari dan diakses serta lebih efektif dari segi kos kerana ia adalah percuma. Oleh itu, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam untuk mengadaptasikan PdPc melalui teknologi. Khodijah et al., (2018) menyatakan bahawa guru perlu mempersiapkan diri dengan pemeraksanaan kemahiran pelaksanaan PdPc secara dalam talian bagi memaksimumkan tahap kecemerlangan pencapaian murid. Manakala menurut Rahayu et al. (2020) pula, kemahiran guru untuk menghasilkan pembelajaran yang menarik menggunakan pelantar pembelajaran dalam talian seperti GC akan mempengaruhi tahap penerimaan murid dalam PdPc. Kenyataan ini disokong oleh Nur Hazirah Hairia'an dan Masayu (2020) yang berpendapat bahawa kemahiran guru menggunakan pelantar pembelajaran dalam talian sangat diperlukan untuk memastikan murid mendapat kefahaman, minat dan komitmen dalam sesi pembelajaran.

Oleh itu, semua guru perlu melibatkan diri secara aktif dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian supaya dapat menyesuaikan diri dalam pendidikan yang berteraskan teknologi. Pertukaran kaedah pembelajaran daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian memerlukan pengetahuan dan kemahiran guru yang mendalam terutamanya dari aspek kaedah pengajaran yang sesuai bagi memastikan hasil pembelajaran tercapai. Penggunaan kaedah pengajaran dalam talian yang pelbagai perlu dikuasai oleh guru supaya pelaksanaan pengajaran

dalam talian adalah berkesan dan murid lebih berminat untuk belajar dan dapat merasai suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan selain menjadikan PdPc lebih efisien.

#### KAEDAH PENGAJARAN DALAM TALIAN

Kaedah pengajaran merupakan cara yang digunakan untuk mengelola dan menggunakan teknik, isi pelajaran, dan alat bantu mengajar untuk mencapai objektif pengajaran. Menurut Robert Glaser (1962), kaedah pengajaran ialah satu siri aktiviti pengajaran yang sistematik dan berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah penyelesaian masalah, kaedah demonstrasi, kaedah projek, kaedah bercerita dan sebagainya. Pemilihan kaedah mengajar haruslah berdasarkan pengetahuan sedia ada murid supaya objektif pengajaran dapat dicapai dengan berkesan.

Dalam kajian ini, kaedah pengajaran adalah berfokus kepada kaedah pengajaran secara dalam talian sahaja iaitu bagaimana guru melaksanakan pengajaran secara dalam talian dengan menggunakan teknologi melalui aplikasi *Google Classroom*. Kaedah pengajaran secara dalam talian melalui penggunaan teknologi dan aplikasi digital dapat memberikan kesan positif bagi pembangunan murid pada abad ke-21 ini. Menurut Nurul Julia (2021), penggunaan teknologi dan aplikasi digital dapat meningkatkan kemampuan mengajar termasuk menggunakan kaedah baharu sebagai strategi penyampaian ilmu pengetahuan yang lebih menarik dan interaktif. Justeru, guru Bahasa Melayu perlu lebih bijak mengambil peluang untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih bermakna dan menjadikan sesi pengajaran Bahasa Melayu lebih menarik berbanding dengan kaedah konvensional.

#### INISIATIF MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENGGUNAAN *GOOGLE CLASSROOM*

Inisiatif merupakan daya usaha atau tindakan yang diambil oleh seseorang untuk memajukan lagi diri dalam sesuatu perkara yang ingin dicapai. Dalam kajian ini, inisiatif merujuk kepada usaha, tindakan

dan langkah yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu selain menghadiri kursus dan bengkel untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom* (GC) dalam pengajaran Bahasa Melayu. Terdapat pelbagai inisiatif yang boleh diambil contohnya mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar daripada rakan guru yang pakar dalam bidang teknologi yang mana melalui inisiatif ini guru Bahasa Melayu akan mengetahui dengan lebih mendalam kelebihan dan faedah GC yang secara tidak langsung akan menjadikan guru Bahasa Melayu lebih bersedia, bersikap positif dan yakin untuk menggunakan GC dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Menurut Irma et al. (2021), guru Bahasa Melayu perlu berusaha untuk mempelajari penggunaan aplikasi dalam talian yang lebih interaktif agar dapat dilaksanakan dalam kaedah pengajaran Bahasa Melayu.

Kementerian Pendidikan Malaysia menggalakkan penggunaan teknologi dalam proses PdPc di sekolah sebagai satu kaedah pengajaran abad ke-21. Oleh itu guru Bahasa Melayu haruslah sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan GC agar dapat dilaksanakan dalam pengajaran dengan menyeluruh dan berkesan.

#### PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) melalui kepelbagaian ciptaan dan rekaan perisian ternyata membuka ruang maya yang amat luas kepada guru Bahasa Melayu untuk menuntut dan meneroka ilmu bagi mendalami kecanggihan teknologi untuk diintegrasikan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Bertepatan dengan itu, terdapat pelbagai pilihan aplikasi pembelajaran dalam talian yang diperkenalkan seperti *Google Classroom* (GC) yang telah disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai pelantar pembelajaran alternatif terutamanya ketika menghadapi cabaran norma baharu.

Di Malaysia, penggunaan PdPc dalam talian bagi sekolah-sekolah di bawah KPM masih berada pada tahap yang rendah. (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2017 dan Mohd Azli et al., 2019). Oleh itu, PdPc dalam talian merupakan satu cabaran yang besar untuk dilaksanakan oleh semua guru yang mengajar Bahasa Melayu. Menurut Roa'ani dan Nor Rul Azlifah (2019) perancangan PdPc yang berkesan

amat diperlukan oleh guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya bagi mencari strategi yang bersesuaian untuk melaksanakan PdPc dalam talian. Beberapa kajian mendapati majoriti guru Bahasa Melayu lebih selesa menggunakan kaedah pengajaran berbentuk konvensional berbanding dengan pengajaran dalam talian (Suzlina Hilwani dan Jamaludin, 2015, Ahmad Affiq, 2020 dan Mohd Rohiman et al. 2020). Sehubungan itu, guru Bahasa Melayu perlulah mempersiapkan diri dengan meningkatkan kefahaman dan menguasai kepakaran terhadap sistem GC supaya PdPc dapat dijalankan secara berkesan dan efektif. Namun, ke arah untuk menggalakkan amalan penggunaan GC dalam kalangan guru Bahasa Melayu, terdapat beberapa masalah yang dikenalpasti telah mempengaruhi guru Bahasa Melayu untuk menggunakannya iaitu tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru terhadap teknologi.

Guru Bahasa Melayu tidak berminat menggunakan PdPc dalam talian kerana tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap penggunaan teknologi. Kajian oleh Abdul Halim (2020) mendapati guru Bahasa Melayu yang tidak mempunyai pengetahuan penggunaan teknologi telah menyukarkan untuk melaksanakan PdPc dalam talian terutamanya dalam kalangan guru kategori senior atau orang lama. Dapatan ini disokong oleh kajian Ugartini Magesvaran (2021) yang mendapati tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu yang tidak memuaskan ketika penggunaan aplikasi GC sebagai medium PdPc dalam talian telah memberikan kesukaran kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pedagogi.

Selain itu, tahap kemahiran teknologi yang melibatkan pengendalian kelas dalam talian juga merupakan faktor penting yang menyebabkan guru Bahasa Melayu tidak menggunakan GC dalam PdPc. Kajian oleh Sumarni dan Zamri (2018) mendapati guru Bahasa Melayu masih kurang mahir dalam penggunaan teknologi terutamanya pembelajaran dalam talian walaupun telah dilatih dan diberikan pendedahan berkaitan teknologi. Dapatan ini disokong oleh kajian Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) yang menyatakan terdapat guru Bahasa Melayu yang kurang kemahiran dalam melaksanakan PdPc dalam talian dan tidak mahir dalam penggunaan aplikasi pembelajaran dalam talian.

Walaupun KPM telah menganjurkan pelbagai kursus berkaitan penggunaan teknologi terutamanya GC dalam PdPc untuk memantapkan kaedah pengajaran dalam talian serta membina bahan pengajaran berasaskan teknologi namun, guru Bahasa Melayu juga perlu mengambil inisiatif sendiri untuk mempelajari dan menguasai penggunaan GC bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Kajian oleh Anuar dan Nelson (2015) menyatakan bahawa guru perlu sentiasa meningkatkan profesionalisme diri dari aspek pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran sendiri contohnya penggunaan teknologi kerana kompeten guru dalam pengajaran tidak diperolehi secara semulajadi sebaliknya perlu dipupuk dari semasa ke semasa. Dapatan ini disokong oleh kajian Fatimah et al (2021) yang mendapati guru seharusnya kompeten dan perlu belajar perkara yang berkaitan dengan teknologi pendidikan terutamanya pembelajaran dalam talian bagi memastikan guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengendalikan kelas secara maya. Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh kajian Chew Le Yee dan Suziyani Mohamed (2021) yang menyatakan guru haruslah mengambil kesempatan untuk memperoleh lagi pengetahuan serta meningkatkan kemahiran dalam penggunaan teknologi supaya dapat menyediakan dan memberi suasana pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan abad ke-21.

Berdasarkan masalah-masalah yang dinyatakan, jelaslah bahawa satu kajian diperlukan untuk meneroka kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu secara dalam talian disamping meninjau inisiatif yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan GC.

#### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti kaedah pengajaran secara dalam talian dan inisiatif yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom*. Objektif kajian ini seperti berikut:

- i. Mengetahui kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu melalui penggunaan *Google Classroom*.

- ii. Mengetahui inisiatif yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom*.

#### METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian ini adalah sangat penting supaya penyelidikan yang dilaksanakan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian.

#### REKA BENTUK KAJIAN

Penyelidik telah menggunakan reka bentuk kualitatif dalam kajian ini. Rasional pemilihan kaedah kualitatif adalah untuk membantu mengumpul data secara lebih terperinci dan mendalam tentang penggunaan *Google Classroom* dalam pengajaran guru Bahasa Melayu.

#### PEMILIHAN PESERTA KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik pensampelan bertujuan dengan memilih enam orang peserta kajian yang merupakan guru Bahasa Melayu dari sekolah rendah harian yang berbeza di negeri Terengganu. Kesemua peserta kajian terdiri daripada kumpulan homogenous tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Pemilihan peserta kajian secara bertujuan dapat memberikan maklumat yang berguna dan tepat untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang kajian yang dilaksanakan. Peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria guru dengan kelayakan akademik pada peringkat sarjana, ijazah atau diploma dalam bidang Bahasa Melayu, mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 10 tahun dan memiliki sikap positif untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam dunia pendidikan.

#### INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara separa struktur yang melibatkan enam orang guru Bahasa Melayu. Bagi memastikan item soalan temu



bual mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, tiga orang pakar telah dirujuk untuk menyemak item-item yang digunakan di dalam protokol soalan temu bual. Pakar-pakar yang dilantik terdiri daripada dua orang pensyarah Bahasa Melayu dan seorang pensyarah Teknologi Pendidikan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

#### KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Semua peserta kajian yang dipilih akan dihubungi untuk memohon kebenaran bagi ditemu bual. Setelah mendapat persetujuan, tarikh temu bual ditetapkan dan penyelidik menyerahkan soalan temu bual melalui aplikasi Telegram atau *WhatsApp* kepada peserta kajian sebagai persediaan sebelum sesi temu bual dijalankan. Sesi temu bual dilaksanakan secara interaksi semuka. Penyelidik memulakan sesi temu bual dengan mendapatkan maklumat peserta kajian. Penyelidik menumpukan perhatian sepenuhnya kepada sesi temu bual yang dilaksanakan dan membuatkan catatan nota penting. Data yang dikumpulkan terdiri daripada rakaman audio temu bual, transkrip temu bual dan nota yang dicatat oleh penyelidik semasa temu bual dilaksanakan. Data yang dikumpul telah diasingkan mengikut sumber perolehan data. Rakaman audio yang diperolehi disusun mengikut urutan temu bual. Setelah selesai sesi temu bual, semua data temu bual di transkrip dalam bentuk *verbatim* iaitu dari satu perkataan kepada satu perkataan menggunakan *Microsoft Word*. Sekiranya ada sebarang data yang tidak jelas, penyelidik merujuk kepada peserta kajian untuk mendapatkan penjelasan. Setelah selesai proses transkrip, salinan transkrip diserahkan kepada peserta kajian untuk disemak. Peserta kajian diberi tempoh untuk menyemak transkrip temu bual yang diserahkan dan mereka dibenarkan untuk melakukan perubahan bagi memastikan ketepatan data dan seterusnya mengesahkan data tersebut.

#### ANALISIS DATA

Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah tematik. Penyelidik membaca keseluruhan teks temu bual dan mendengar semula rakaman audio bagi mendapatkan gambaran umum. Selain itu, penyelidik turut membuat refleksi terhadap maksud keseluruhan data. Apabila mendengar semula rakaman audio, nada suara peserta kajian turut

diberikan perhatian sebagai rasional kepada data yang diberikan. Proses pembinaan kod bagi teks temu bual dilaksanakan dengan menggunakan perisian Nvivo 12. Melalui pembinaan kod, data disusun dan ditentukan berdasarkan beberapa kategori dan seterusnya kategori tersebut dilabelkan mengikut tema tertentu. Pengekodan tema melibatkan pelabelan kategori berdasarkan perincian tertentu. Tema ini menjadi dapatan utama kajian dan merupakan perkara penting dalam analisis kualitatif. Pengekodan bertema adalah berdasarkan objektif kajian dan maklumat yang diperolehi. Tafsiran pengekodan tema ini bergantung kepada maklumat yang diperolehi daripada peserta kajian. Penyelidik membuat tafsiran pengekodan tema ini berdasarkan objektif kajian yang melibatkan kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu melalui penggunaan *Google Classroom* dan inisiatif guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom*. Bagi memastikan tema dapatan yang diperolehi mempunyai kebolehpercayaan, proses jejak audit telah digunakan dengan memastikan pengulangan kod berlaku antara responden. Seterusnya, tema bagi dapatan juga telah dilakukan penelitian rakan sebaya bagi mendapatkan persetujuan.

#### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menghuraikan tentang hasil analisis data temu bual yang diperolehi daripada enam peserta kajian berdasarkan kaedah pengajaran dalam talian dan inisiatif guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom*.

#### KAEDAH PENGAJARAN DALAM TALIAN

Hasil analisis temu bual menunjukkan bahawa setiap peserta kajian melaksanakan kaedah pengajaran yang berbeza berdasarkan kesesuaian dan kemampuan murid. Terdapat lima tema kaedah pengajaran yang telah diaplikasikan oleh peserta kajian secara dalam talian iaitu kaedah perbincangan, kaedah penyelesaian masalah, kaedah pembelajaran kontekstual, kaedah pembelajaran berasaskan projek dan kaedah kelas berbalik. Jadual 1 menunjukkan tema kaedah pengajaran dalam talian yang telah digunakan oleh keenam-enam peserta kajian.

JADUAL 1. Kaedah Pengajaran Dalam Talian

Kaedah Pengajaran Dalam Talian	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
Perbincangan	/	x	x	x	x	x
Penyelesaian Masalah	x	/	/	/	/	/
Pembelajaran Kontekstual	x	/	x	x	x	x
Pembelajaran Berasaskan Projek	x	x	/	x	x	x
Kelas Berbalik	x	x	x	x	/	x

### PERBINCANGAN

Bagi kaedah perbincangan, hanya PK1 sahaja yang menggunakan kaedah ini untuk memudahkan membuat perbincangan dengan murid melalui aktiviti secara berkumpulan tentang isi utama dalam penulisan karangan. Murid akan berbincang dalam kumpulan melalui penggunaan *breakout rooms* yang disediakan oleh guru dalam *Google Meet* dan akan kembali ke kelas utama setelah selesai perbincangan dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk sesi perbincangan bersama guru.

“...saya membahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk berbincang sesuatu tugas contohnya isi utama dalam penulisan karangan melalui *Google Meet*. Saya menetapkan masa perbincangan dan hasil perbincangan akan dinilai selepas tamat perbincangan iaitu selepas murid balik ke kelas utama”

(TBPK1/KAEDAH/BINCANG)

### PENYELESAIAN MASALAH

PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah menggunakan kaedah pengajaran yang sama iaitu kaedah penyelesaian masalah. PK2 membahagikan murid kepada beberapa kumpulan dan memberikan tajuk yang berlainan bagi setiap kumpulan untuk dibincangkan sama ada secara dalam talian mahupun luar talian sesama murid berdasarkan kelapangan masa setiap ahli kumpulan tersebut. Hasil perbincangan pula akan dibentangkan dalam kelas yang berikutnya.

“...saya akan pecahkan murid kepada beberapa kumpulan dan memberikan tajuk yang berlainan bagi setiap kumpulan untuk dibincangkan secara dalam atau luar talian. Jadi, hasil perbincangan saya akan bincangkan dalam kelas yang berikutnya.

(TBPK2/KAEDAH/PMASALAH)

Manakala PK3 pula melaksanakan kaedah penyelesaian masalah melalui tayangan video daripada *YouTube* untuk aktiviti menyambung cerita dan murid membuat andaian berdasarkan imaginasi tentang kesudahan cerita yang dipertontonkan.

“...menayangkan *YouTube* kepada murid-murid saya kemudian meminta murid menghabiskan cerita tersebut dan membuat imaginasi sendiri dari segi turutan dan cerita mereka sendiri.”

(TBPK3/KAEDAH/PMASALAH)

PK4 pula melaksanakan kaedah penyelesaian masalah untuk pengajaran penulisan karangan dengan membahagikan murid kepada beberapa kumpulan dengan tajuk yang berlainan bagi setiap kumpulan. Murid akan berbincang dalam kumpulan yang telah ditetapkan berdasarkan tempoh masa yang telah ditetapkan dan hasil perbincangan akan dibincangkan selepas itu..

“...saya bahagikan murid-murid saya kepada beberapa kumpulan dan memberikan tajuk karangan yang berlainan bagi setiap kumpulan. Kemudian saya akan minta murid-murid berbincang. Hasil perbincangan akan dibincangkan selepas itu.”

(TBPK4/KAEDAH/PMASALAH)

PK5 juga melaksanakan kaedah penyelesaian masalah melalui tayangan video untuk aktiviti melengkapkan cerita berdasarkan video yang ditayangkan. Melalui aktiviti ini, PK5 telah menayangkan video tersebut hanya separuh cerita sahaja dan meminta murid untuk meneka dan memberikan andaian yang logik tentang kesudahan cerita dalam video tersebut.

“...saya suruh budak-budak saya ni, murid-murid saya melengkapkan cerita berdasarkan video... pertama saya akan

tayangkan video tersebut atau cerita tersebut separuh jalan je dan lepas tu saya suruh budak-budak ni fikirkan atau pun saya minta budak-budak ni habiskan cerita tersebut dengan menggunakan pendapat atau pun imaginasi sendiri dan cerita tu mesti logiklah...”

(TBPk5/KAEDAH/PMASALAH)

PK6 pula melaksanakan kaedah penyelesaian masalah melalui pengajaran membuat ulasan berdasarkan gambar. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan seterusnya murid berbincang berdasarkan gambar tersebut untuk menyenaraikan isi tersurat dan isi tersirat. Setiap wakil kumpulan akan membuat pembentangan selepas selesai sesi perbincangan.

“...saya bahagikan pelajar saya ni kepada lima ataupun enam kumpulan dan saya berikan satu gambar untuk dibuat ulasan dan saya minta kepada pelajar saya ni duduk dalam kumpulan dan berbincanglah melihat gambar tersebut...saya minta kepada pelajar untuk memberikan isi tersurat dan tersirat berdasarkan gambar tersebut. Jadi selepas itu, setiap kumpulan ni akan membentangkan hasil perbincangan mereka.”

(TBPk6/KAEDAH/PMASALAH)

#### PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL

Seterusnya, kaedah pengajaran yang digunakan oleh peserta kajian ialah kaedah pembelajaran kontekstual seperti yang telah dilaksanakan oleh PK2 melalui aktiviti tayangan video kepada murid untuk pengajaran tentang penulisan karangan. Berdasarkan video sambutan hari raya yang ditayangkan oleh guru, murid akan berbincang dalam kumpulan untuk mencari isi penting dan seterusnya menulis karangan.

“...saya membuat tayangan video kepada murid untuk pengajaran tentang penulisan karangan contohnya berkaitan dengan sambutan hari raya, jadi saya tayangkan video tersebut kepada murid-murid dan mereka akan berbincang untuk mencari isi penting dan seterusnya menulis karangan”

(TBPk2/KAEDAH/PKONTEKSTUAL)

#### PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK

Kaedah pembelajaran berasaskan projek juga turut digunakan oleh peserta kajian seperti PK3 yang melaksanakan kaedah ini dengan meminta murid-murid membuat rakaman video untuk menggayakan beberapa aksi berkaitan kata kerja

dan murid-murid yang lain akan meneka nama aksi kata kerja tersebut.

“...saya biasanya membuat rakaman video dalam pengajaran kata kerja contohnya menggayakan aksi kata kerja sama ada menyiram, memasak, menatang dan sebagainya. Jadi mereka menggayakan aksi tersebut dan rakan-rakan mereka memberitahu apakah nama aksi tersebut atau gaya tersebut”

(TBPk3/KAEDAH/PBPROJEK)

#### KELAS BERBALIK

Kaedah pengajaran Kelas Berbalik atau *Flipped Classroom* juga turut digunakan oleh peserta kajian dalam pengajaran Bahasa Melayu seperti yang telah dilaksanakan oleh PK5 untuk mengajar tentang kata kerja. PK5 menghantar satu pautan video daripada *YouTube* kepada murid tentang kata kerja yang berdurasi 3-5 minit untuk tontonan murid terlebih dahulu sebelum bermulanya kelas pada keesokan hari. Semasa kelas keesokannya, guru akan berbincang tentang kefahaman murid berkaitan video kata kerja yang telah ditonton dan seterusnya memberikan penerangan tentang video kata kerja tersebut.

“...saya akan berikan video tentang sesuatu topik Bahasa Melayu contohnya kata kerja...bahan-bahan daripada Bahasa Melayu yang berdurasi atau pun jangka masa 3-5 minit...malam tu saya akan beri dulu sebelum saya mengajar esok dan saya hantar melalui *Google Classroom*lah, saya share lah *Google Classroom* tu...murid akan tengok dulu dan semasa dalam kelas esoknya saya akan berbincanglah dengan murid-murid saya tentang apa yang mereka faham tentang kata kerja tersebut.”

(TBPk5/MSLH/KAEDAH/KBERBALIK)

#### INISIATIF MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENGGUNAAN *GOOGLE CLASSROOM*

Hasil analisis temu bual menunjukkan terdapat tiga tema inisiatif yang diambil oleh guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan selain daripada menghadiri kursus iaitu melalui *YouTube*, guru pakar dan laman pembelajaran. Jadual 2 menunjukkan tema inisiatif meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom* yang telah dilaksanakan oleh keenam-enam peserta kajian.

JADUAL 2. Inisiatif Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Penggunaan *Google Classroom*

Inisiatif Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Penggunaan <i>Google Classroom</i>	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
<i>YouTube</i>	/	/	/	/	/	/
Guru Pakar	/	/	/	/	/	/
Laman Pembelajaran	/	x	x	x	x	x

*YouTube*

Inisiatif pertama yang diambil oleh peserta kajian untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom* ialah melalui tontonan di saluran *YouTube*. Kesemua peserta kajian sependapat bahawa *YouTube* merupakan platform yang sangat bagus untuk menjadi rujukan dan panduan kepada guru untuk belajar tentang penggunaan *Google Classroom* kerana terdapat banyak video yang berkaitan penggunaan *Google Classroom* untuk dipelajari.

“...pembelajaran secara sendiri melalui tontonan saluran YouTube kerana di dalam YouTube banyak kemahiran yang saya boleh pelajari...”

(TBPk1/INISIATIF/YOUTUBE)

“...saya cuba belajar sedikit sebanyak penggunaannya melalui YouTube yang mana saya belajar bagaimana menggunakan Meet secara lebih baik dan dengan cara tersebut saya dapat mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu...”

(TBPk2/INISIATIF/YOUTUBE)

“...saya juga belajar melalui tontonan saluran YouTube...”

(TBPk3/INISIATIF/YOUTUBE)

“...saya juga selalu menggunakan aplikasi YouTube untuk mendapatkan video-video tentang pengajaran...”

(TBPk4/INISIATIF/YOUTUBE)

“...saluran YouTube tentang apa tajuk-tajuk yang kita nak ajar dalam PdPc nanti.”

(TBPk5/INISIATIF/YOUTUBE)

“...saya rasa saya perlu belajar dengan sendiri, usaha saya sendiri contohnya saya lihat melalui atau belajar melalui YouTube sebab dalam YouTube banyak sangat guru-guru yang mengajar cara-cara untuk menggunakan aplikasi tersebut...”

(TBPk6/INISIATIF/YOUTUBE)

## GURU PAKAR

Inisiatif kedua yang diambil oleh peserta kajian untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom* iaitu semua peserta kajian telah mempelajari dan meminta bantuan daripada rakan-rakan guru yang lebih mahir dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) seperti Guru Penyelaras TMK supaya dapat digunakan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu.

“...saya akan bertanya juga kepada rakan-rakan guru yang lebih arif dan lebih pandai daripada saya.”

(TBPk1/INISIATIF/GPAKAR)

“...saya juga ada minta bantuan rakan-rakan yang mahir untuk belajar...lebih berkemahiran dan bekebolehan untuk mengendalikan pengajaran menggunakan Meet.”

(TBPk2/INISIATIF/GPAKAR)

“...ada beberapa kalilah saya belajar dengan rakan-rakan guru yang tahu dan mahir menggunakan *Google Classroom* contohnya Guru Penyelaras TMK, Guru ICT, guru-guru yang lebih muda yang lebih mahir dari saya...”

(TBPk3/INISIATIF/GPAKAR)

“...saya ada merujuk kepada rakan-rakan yang mahir dalam *Google Classroom*.”

(TBPk4/INISIATIF/GPAKAR)

“...kawan-kawan saya yang tahu dan cekap penggunaannya dalam ICT dalam *Google Classroom* ni”

(TBPk5/INISIATIF/GPAKAR)

“...saya juga minta kawan-kawan guru saya untuk mengajar saya tentang penggunaan *Google Classroom* ini”

(TBPk6/INISIATIF/GPAKAR)



## LAMAN PEMBELAJARAN

Inisiatif ketiga yang diambil oleh peserta kajian untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom* ialah dengan mempelajarinya melalui laman pembelajaran tertentu seperti laman pembelajaran Cikgu Zairi yang banyak membincangkan dan menjelaskan tentang penggunaan *Google Classroom*.

“...saya juga ada mengikuti laman-laman tertentu tentang penggunaan *Google Classroom* daripada laman Cikgu Zairi dari Terengganu”

(TBPK1/INISIATIF/LPEMBELAJARAN)

## PERBINCANGAN

Kajian ini membincangkan tentang kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu secara dalam talian dan inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan *Google Classroom*

### KAEDAH PENGAJARAN DALAM TALIAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima kaedah pengajaran secara dalam talian yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) melalui penggunaan *Google Classroom* iaitu kaedah perbincangan, kaedah penyelesaian masalah, kaedah pembelajaran kontekstual, kaedah pembelajaran berasaskan projek dan kaedah kelas berbalik. Kaedah pengajaran yang pelbagai dapat memberikan impak kejayaan kepada guru sebelum merancang sesuatu pengajaran. Menurut Mohd Faez Ilyas et al, (2016), guru yang menguasai pelbagai kaedah pengajaran dapat membantu persediaan pengajaran mengikut situasi semasa. Manakala Norazlin dan Siti Rahaimah (2019) pula menyatakan bahawa pemilihan kaedah pengajaran boleh mempengaruhi amalan pengajaran dalam talian yang berkesan. Kajian oleh Rasmitadila et al. (2020) mendapati pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian menuntut seseorang guru agar kreatif dan inovatif dalam merancang kaedah pengajaran supaya objektif pembelajaran tercapai. Oleh itu, Muhammad Syafiq dan Megat Aman Zahiri (2020) menyatakan bahawa semua guru perlu memberanikan diri untuk menggunakan pembelajaran secara dalam talian terutamanya

*Google Classroom* supaya dapat menambah baik nilai dan kemahiran guru bagi memastikan objektif pengajaran yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya dan berkesan.

## PERBINCANGAN

Kaedah perbincangan selalu digunakan oleh guru semasa melaksanakan sesi pengajaran (Mohamad dan Shariff 2011). Kaedah perbincangan membolehkan murid-murid saling bertukar pendapat dan idea sesama mereka sendiri (Abiddin dan Ismail 2016). Kaedah perbincangan merupakan antara kaedah pengajaran yang digunakan oleh peserta kajian dalam kajian ini. Salah satu aktiviti dalam kaedah ini yang digunakan ialah perbincangan sesama murid secara berkumpulan tentang isi utama dalam penulisan karangan. Melalui kaedah perbincangan, murid-murid diberikan kepercayaan untuk berbincang dalam kumpulan masing-masing melalui penggunaan *breakout rooms* dalam *Google Meet* dan hasil perbincangan kemudiannya dibentangkan kepada guru setelah semua murid masuk ke dalam kelas utama. Kaedah ini bertepatan dengan kajian Siow et al. (2005) yang menyatakan bahawa guru hanya berfungsi sebagai perancang dan pembimbing, manakala peluang belajar seharusnya diserahkan kepada tanggungjawab murid-murid untuk mengendalikannya melalui sesi perbincangan dalam kumpulan. Dapatan ini disokong oleh kajian Nor Syahirah dan Mohd Aderi (2022) yang menyatakan guru berperanan sebagai fasilitator apabila menggunakan kaedah perbincangan dalam pengajaran dengan membimbing murid-murid agar objektif pengajaran yang disampaikan pada hari tersebut tercapai. Melalui penggunaan kaedah perbincangan dalam pengajaran, murid-murid akan berusaha untuk menjana dan mengeluarkan idea serta pendapat mereka yang tersendiri manakala murid-murid yang lemah juga turut dibantu untuk menjana dan memberikan pandangan sendiri. Melalui aktiviti yang dilaksanakan ini, didapati murid-murid lebih berkeyakinan untuk membina pengetahuan baharu walaupun pengajaran dilaksanakan secara dalam talian. Kaedah sebegini juga sesuai dijalankan melalui pengajaran secara dalam talian kerana berlakunya komunikasi dua hala yang secara tidak langsung menggalakkan pembelajaran yang lebih efektif dan menyeronokkan.

## PENYELESAIAN MASALAH

Kaedah penyelesaian masalah merupakan salah satu kaedah pembelajaran aktif iaitu murid-murid akan terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (Sarimah dan Nurul Izzatey, 2010). Kaedah ini turut digunakan oleh peserta kajian dengan membahagikan murid-murid kepada beberapa kumpulan dan memberikan tajuk karangan yang berlainan bagi setiap kumpulan untuk dibincangkan berdasarkan tempoh masa yang telah ditetapkan dan hasil perbincangan akan dibentangkan. Menurut Kirby dan Goodpaster (2002), kaedah penyelesaian masalah dapat mengasah kemahiran berfikir dan seterusnya mampu menemukan satu jawapan yang terbaik. Dapatan ini selaras dengan kajian Nor Hanani (2019) yang mendapati kaedah penyelesaian masalah berupaya meningkatkan kemahiran berfikir murid secara lebih kritikal dan kreatif. Dapatan ini disokong oleh kajian Valerie dan Shahlan (2021) yang mendapati pembelajaran kaedah penyelesaian masalah berupaya merangsang murid untuk menggunakan kemahiran berfikir pada aras yang tinggi seperti mengaplikasikan dan menganalisis permasalahan, menilai keputusan dan mencipta idea baharu bagi menyelesaikan masalah.

Melalui kaedah ini juga, peserta kajian menayangkan video daripada *YouTube* untuk aktiviti menyambung dan melengkapkan cerita yang mana murid-murid akan meneka serta membuat andaian yang logik berdasarkan imaginasi tentang kesudahan cerita yang dipertontonkan. Kaedah penyelesaian masalah dapat membantu murid agar sentiasa mempraktikkan kemahiran kritis dan kreatif bagi mengatasi sesuatu situasi yang dilalui. Penggunaan kaedah ini secara dalam talian sangat bertepatan kerana guru dapat melibatkan murid-murid untuk turut serta dalam proses pembelajaran. Dalam situasi begini, murid-murid dapat menggunakan skema pengetahuan sedia ada mereka dan seterusnya membina pengetahuan baharu melalui proses asimilasi dan akomodasi pengetahuan (Feida 2020). Kaedah ini selari dengan kajian Idawati (2019) serta Kamlin dan Keong (2020) yang mengesyorkan penggunaan video sebagai bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran.

Selain itu, melalui kaedah ini juga, terdapat peserta kajian yang melaksanakan aktiviti membuat

ulasan berdasarkan gambar iaitu murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan berbincang berdasarkan gambar yang diberikan dengan menyenaraikan isi tersurat dan isi tersirat. Kaedah penyelesaian masalah digunakan bagi merangsang idea murid serta mewujudkan pengajaran dua hala antara guru dan murid. Dapatan ini selaras dengan kajian Irma et al. (2021) yang mendapati penggunaan kaedah ini dapat merangsang idea murid-murid dalam menyelesaikan masalah yang dibincangkan semasa dalam talian. Dapatan ini disokong oleh kajian Jennifer dan Khairul Azhar (2022) yang mendapati kaedah penyelesaian masalah boleh meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan murid-murid untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dibincangkan.

## PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL

Kaedah pembelajaran kontekstual juga merupakan antara kaedah yang digunakan oleh peserta kajian melalui aktiviti tayangan video sambutan hari raya kepada murid-murid untuk pengajaran penulisan karangan. Melalui tayangan video tersebut, murid-murid berbincang dalam kumpulan untuk mencari isi penting dan seterusnya membuat penulisan karangan. Melalui kaedah pembelajaran kontekstual yang melibatkan penggunaan video ini, murid-murid dapat menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman murid-murid terhadap sambutan hari raya. Menurut Jamalludin dan Zaidatun (2003), pengajaran melalui penggunaan video mampu menarik minat, meningkatkan motivasi dan pengalaman belajar. Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Shaples (2000) yang mendapati bahawa penggunaan video dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi murid dalam mempelajari sesuatu. Dapatan ini disokong oleh kajian Syamsulaini Sidek dan Mashitoh Hashim (2016) yang mendapati penggunaan video dalam pengajaran dapat membantu meningkatkan motivasi dan semangat murid-murid untuk belajar.

## PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK

Pembelajaran berasaskan projek merupakan model pendidikan yang mengutamakan projek dalam pengajaran dan pembelajaran (Veeramy 2010). Dalam kajian ini, kaedah pembelajaran berasaskan

projek turut digunakan oleh peserta kajian dengan meminta murid-murid membuat rakaman video untuk menggayakan beberapa aksi berkaitan kata kerja dan murid-murid yang lain akan meneka nama aksi kata kerja tersebut. Pengendalian tugas ini memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang teliti dan terperinci kerana melibatkan kemahiran murid-murid dalam proses merakam dan mengedit video yang dihasilkan. Dalam situasi ini, peranan guru sangat penting sebagai pembimbing sekiranya terdapat murid-murid yang tidak tahu dan tidak mahir dalam penghasilan video. Perkara ini bertepatan dengan penulisan Mohd Faiz et al. (2019) yang menegaskan tentang kepentingan kesediaan dan kemahiran guru terhadap penggunaan aplikasi teknologi dalam pengajaran. Penghasilan projek video seperti ini sangat bertepatan dengan perkembangan teknologi terkini yang mana mutakhir ini banyak video kreatif telah dihasilkan oleh murid-murid sama ada secara sendiri mahupun dengan bimbingan guru. Dapatan ini selari dengan kajian Irma et al. (2021) yang menyatakan terdapat pelbagai jenis bentuk rakaman video yang dihasilkan oleh murid-murid yang sangat menarik. Dapatan ini disokong oleh kajian Fenny et al. (2021) yang mendapati bahawa murid-murid dapat merakam dan mengedit video pembelajaran sendiri dirumah berdasarkan hasil pembelajaran pada hari tersebut. Melalui aktiviti penghasilan video, murid-murid dapat mempelajari ilmu baharu, merangsang kreativiti murid untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dan keyakinan diri dalam proses pembelajaran yang berkesan, dapat mencungkil potensi murid walaupun semasa pengajaran dalam talian serta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan teknologi.

#### KELAS BERBALIK

Kelas berbalik merupakan satu kaedah pembelajaran yang memberi peluang dan ruang kepada murid-murid untuk mengulang kaji pelajaran di rumah manakala waktu pembelajaran di sekolah akan dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti kuiz, perbincangan, permainan dan sebagainya (Yap dan Liaw 2013). Kaedah pengajaran kelas berbalik juga turut digunakan oleh peserta kajian bagi tujuan pengajaran kata kerja. Melalui kaedah ini, peserta kajian menghantar satu pautan video daripada *YouTube* kepada murid-murid tentang kata

kerja untuk tontonan murid terlebih dahulu sebelum bermulanya kelas pada keesokan hari. Semasa kelas keesokannya, guru berbincang tentang kefahaman murid-murid berkaitan video kata kerja yang ditonton dan seterusnya memberikan penerangan tentang video kata kerja tersebut. Menurut Iwantara, Sadia dan Kuma (2014), penggunaan video bukan sahaja menyeronokkan malahan berfungsi sebagai media yang membantu melaksanakan aktiviti pengajaran. Kaedah ini dapat memberikan gambaran awal kepada murid-murid mengenai tajuk pelajaran yang akan dibincangkan semasa bersemuka dengan lebih berkesan. Dapatan ini selari dengan kajian Irma et al. (2021) yang mendapati murid-murid lebih cepat faham jika sudah mengetahui isi pelajaran yang hendak dipelajari dan dengan itu proses pengajaran guru dalam talian dapat berjalan dengan lancar dan murid-murid dapat menguasai kemahiran bahasa dengan baik. Dapatan ini disokong oleh kajian Raja Kumari et al. (2022) yang mendapati melalui pelaksanaan kaedah kelas berbalik, murid-murid dapat membina kefahaman sendiri dan berminat untuk mengikuti pembelajaran dan pemudahcaraan dengan melibatkan diri secara aktif dalam kelas.

Secara keseluruhannya, semua peserta kajian telah mengaplikasikan kaedah pengajaran yang pelbagai dan bersesuaian melalui pengajaran secara dalam talian. Peserta kajian juga sangat kreatif dan kompeten terhadap pemilihan bahan pengajaran yang menarik dan interaktif dengan kaedah pengajaran yang dilaksanakan bagi menarik minat murid untuk mengikuti sesi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu dengan berkesan dan menyeronokkan.

#### INISIATIF MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENGGUNAAN *GOOGLE CLASSROOM*

Dapatan kajian menunjukkan guru Bahasa Melayu telah mengambil beberapa inisiatif untuk mempelajari dan mendalami penggunaan *Google Classroom* (GC) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu iaitu melalui tontonan di saluran *YouTube*, merujuk dan mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar daripada guru pakar teknologi dan melalui laman pembelajaran yang diwujudkan oleh rakan guru yang berkemahiran dalam penggunaan *Google Classroom*.

### YouTube

*YouTube* merupakan sebuah laman yang mengandungi video yang dimuat naik oleh pengguna dan pengguna boleh menonton, memuat naik dan berkongsi klip video (Tan dan Carol, 2013). *YouTube* juga merupakan sebuah laman web perkongsian bagi tujuan komunikasi yang berlaku secara dalam talian (Orús et al., 2016). Hasil daripada analisis yang telah dijalankan mendapati guru-guru telah mengambil inisiatif untuk mempelajari dan mendalami penggunaan *Google Classroom* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui tontonan video di saluran *YouTube*. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Cho Keng Boon (2019) yang mendapati *YouTube* menjadi alat pemudahcara yang boleh membantu guru-guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dan menarik. Dapatan ini disokong oleh kajian Rasman (2021) yang menyatakan *YouTube* boleh digunakan oleh guru-guru untuk mendapatkan video penerangan, pemahaman dan contoh dalam pembelajaran.

### GURU PAKAR

Guru pakar ialah guru yang mempunyai kemahiran, pengetahuan, dan kepakaran yang tinggi dalam mata pelajaran khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada analisis yang telah dijalankan mendapati guru-guru juga mengambil inisiatif untuk mempelajari dan mendalami penggunaan *Google Classroom* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui tunjuk ajar daripada guru pakar teknologi. Dapatan ini selari dengan kajian Rupini & Zanaton (2021) yang menyatakan kerjasama rakan sebaya contohnya melalui bimbingan dan tunjuk ajar dapat membantu guru untuk menggunakan pembelajaran dalam talian dengan efektif. Dapatan ini juga disokong oleh kajian Melvina Chung (2022) yang menyatakan guru-guru yang tidak mahir tentang penggunaan teknologi boleh bertanya kepada rakan guru lain yang pakar dalam *Google Classroom* untuk meningkatkan kemahiran melalui pembelajaran dalam talian.

### LAMAN PEMBELAJARAN

Laman pembelajaran merupakan satu halaman komputer yang mengandungi teks, audio dan grafik

yang boleh digunakan sebagai media pengajaran yang disediakan oleh guru untuk digunakan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan dalam bilik darjah (Siti Aishah et al. 2017). Hasil daripada analisis yang telah dijalankan mendapati guru-guru juga mengambil inisiatif untuk mempelajari dan mendalami penggunaan *Google Classroom* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui laman pembelajaran. Dapatan ini selari dengan Zahiah & Abdul Razaq (2009) yang menyatakan laman pembelajaran membolehkan guru-guru mengikuti sesi pembelajaran secara terbuka dan bebas serta dengan keupayaan sendiri tanpa perlu terikat dengan jadual atau menghadiri kelas yang ditetapkan. Dapatan ini disokong oleh kajian Norliza et al. (2013) yang menyatakan guru-guru boleh mengakses laman pembelajaran yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu EduwebTV sebagai panduan dan rujukan dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan secara dalam talian. Dapatan ini diperkukuhkan lagi melalui kajian Rahayu et al. (2020) yang menyatakan ramai guru yang menyediakan laman pembelajaran digital sendiri untuk dikongsikan dengan rakan guru yang lain seperti kewujudan *CikgooTube*, kumpulan Telegram, *Google Classroom* Malaysia dan *Facebook* Guru Perpustakaan dan Media untuk membantu guru mempelajari dan menguasai pembelajaran dalam talian.

Sehubungan itu, guru perlu mempunyai sikap yang positif dan usaha yang tinggi untuk menambah ilmu tentang teknologi dengan mengambil inisiatif seperti membuat pembelajaran sendiri untuk meningkatkan profesionalisme perguruan. Inisiatif yang diambil secara konsisten dapat meningkatkan kompetensi guru terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran.

### KESIMPULAN

Pembelajaran secara dalam talian senang untuk diungkapkan, namun tidaklah semudah untuk dipraktikkan dalam situasi yang sebenar. Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk menggunakan *Google Classroom* (GC) kerana guru adalah agen perubahan utama yang menyumbang kepada kejayaan sistem pembelajaran maya. Sehubungan itu, guru perlu bertindak lebih proaktif untuk mempelbagaikan



kaedah pengajaran dalam talian bagi memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan interaktif. Guru yang sentiasa berfikiran positif dan bersedia menerima sebarang perubahan baharu dalam dunia pendidikan terutamanya yang melibatkan teknologi juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kejayaan penggunaan GC di sekolah. Disamping itu, selain daripada menghadiri kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, guru juga perlu mengambil inisiatif sendiri untuk mempelajari penggunaan GC demi memenuhi tuntutan penggunaan teknologi yang semakin meluas digunakan dalam bidang pendidikan. Guru digalakkan menggunakan aplikasi GC dalam proses PdPc dengan meluas dan berkesan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan kerana murid akan berasa teruja untuk mengikuti sesi PdPc yang di luar kebiasaan serta selaras dengan pelaksanaan anjakan tujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi dalam meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

#### RUJUKAN

- Abdul Halim Abdullah. 2020. COVID-19 buka mata warga pendidik dan pelajar. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar> [21 Julai 2021]
- Ahmad Affiq Mohd Yusof. 2020. Penggunaan pelantar pembelajaran digital dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu*.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. 2015. Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1-11.
- Bahagian Teknologi Pendidikan. 2017. Dokumentasi Kajian dan Laporan Pemantauan. Putrajaya. Retrieved from <http://btp.moe.gov.my/media/SP>.
- Chew Le Yee & Suziyani Mohamed. 2021. Kemahiran guru dalam mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pembelajaran di Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 44-53.
- Cho Keng Boon. 2019. Keberkesanan penggunaan YouTube dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk tajuk Hukum Kirchoff kursus asas elektrik dalam aplikasi Google Drive Kursus Reka Bentuk dan Teknologi. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 113-123.
- Fatimah Mustaffa, Kamarudin Abu Hassan & Salinah Pit. 2021. Pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian pensyarah IPGK PM semasa Pandemik COVID-19. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 465-474.
- Feida Noorlaila et al. 2020. *Teori-teori Belajar dalam Pendidikan*. Jawa Barat: Edu Publisher Sdn. Bhd.
- Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang & Lee Huoy Shin. 2021. Kaedah pengajaran dalam talian guru Bahasa Melayu dan motivasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(1): 57-74.
- Idawati Suliman. 2019. Penggunaan Frog VLE Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan di Sekolah: Perbandingan Antara Sekolah Rendah Bandar dan Luar Bandar Daerah Kluang. Batu Pahat. Tesis, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Irma Mahad, Zamri Mahamod & Nurul Azira Sopian. 2021. Kaedah pengajaran dalam talian guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan di kawasan bandar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(3): 381-394.
- Iwantara, Sadia & Kuma. 201. Pengaruh penggunaan media video Youtube dalam pembelajaran IPA terhadap motivasi belajar dan pemahaman konsep siswa. *e-Journal Program Pascasarjana Universitas Pendidikan Ganesha Program Studi IPA*, 3,1-10.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. 2003. *Multimedia dalam pendidikan*. Bentong: PTS Publication & Distributors.
- Jennifer Anak Andrew Tiga Paet & Khairul Azhar Jamaludin. 2022. Potensi pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran menyelesaikan masalah dan cabaran pelaksanaannya. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(3): 204-215.
- Kamlin, M. & Keong, T. 2020. Adaptasi video dalam pengajaran dan pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 10: 105-112.
- Kirby, G.R. & Goodpaster, J.R. 2002. *Thinking*. Boston: Prentice Hall.
- Khodijah Abdul Rahman, Siti Zaharah Mohid dan Roslinda Romli. 2018. Kesediaan guru menggunakan Teknologi Multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah agama di Selangor. *4 th International Conference on Information Technology and Society*, 1-9.
- Laporan Ketua Audit Negara. 2013. Siri 3. Kementerian Pendidikan Malaysia *Perkhidmatan 1BestariNet*. Kementerian Kewangan Malaysia.
- Melvina Chung Hui Ching. 2022. Google Classroom sebagai salah satu platform dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran: Satu kajian tinjauan. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 10(1): 1-9.
- Mohd Azli, Y., Mohd Faiz, M.Y., Kung Teck, W., Yahya, D., & Farah Mohamad, Z. 2019. Implementation of ICT policy (blended learning approach): Investigating factors of behavioural intention and use behavior. *International Journal of Instruction* 12(1): 767-782.
- Mohd Faez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi. 2011. Faktor serta pendorong yang mempengaruhi kepenggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran guru-guru Pendidikan Islam. *Seminar Islam Nusantara Peringkat ASEAN*.
- Mohd Faiz Baharan et al. 2019. Amalan kualiti guru dalam kalangan guru pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research* 1(4): 1-23.
- Mohd Noorhadi Mohd. Yusof & Zurinah Tahir. 2017. Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *Journal of Social Sciences and Humanities* 12(3): 1-10.

- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. 2021. Pelaksanaan pengajaran Guru Cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ketika Pandemik Covid-19: Satu kajian kes. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 12(Edisi Khas): 21-32.
- Mohamad, R., & Shariff, S. B. M. 2011. Kesan penggunaan laman sosial ke atas kaedah perbincangan di dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 75-80.
- Muhammad Syafiq Mansor & Megat Aman Zahiri Megat Zakaria. 2020. Penerimaan guru terhadap penggunaan Google Classroom semasa proses PdP secara dalam talian menggunakan Model TAM. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan dan cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 87-105.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseannah Abd. Rauf. (2013). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, Vol.1 Issue 2. 58-73.
- Nor Hanani Ismail. 2019. Penggunaan Kaedah Penyelesaian Masalah (PBL) dalam konteks realiti semasa bagi kursus TITAS untuk meningkatkan kemahiran berfikir berlandaskan konsep ketamadunan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 4(20): 119 – 138.
- Norhasni Zainal Abiddin & Azahari Ismail. 2016. Peranan Fasilitator dalam Perbincangan Kumpulan Kelas: Ke Arah Pembangunan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, 69-76.
- Nor Syahirah Abu Bakar & Mohd Aderi Che Noh. 2022. Kaedah perbincangan dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 89-99.
- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin 2020. Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue)* 9: 18-28.
- Nurul Julia Alani Henry. 2021. Kuasa Internet dan era digital. *Pelita Bahasa Aerial*: 5.
- Orús, C., Barlés, M. J., Belanche, D., Casaló, L., Fraj, E. & Gurrea, R. 2016. The effects of learner-generated videos for YouTube on learning outcomes and satisfaction. *Computers and Education*, 254-269.
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. 2020. Peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan di lestari dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. *Jabatan Pembangunan Staf, Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia*, 1-23.
- Rajaendram, R. 2019. Google Classroom gets nod. The Star Online. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/06/29/google-classroom-gets-nod> [16 April 2021].
- Raja Kumari Vijayakumaran, Ramlee Ismail & Norasibah Abdul Jalil. 2022. Kaedah Flipped Learning terhadap minat, penglibatan, dan kefahaman pelajar ekonomi. *Journal of ICT in Education*, 32-47.
- Rasman. 2021. Penggunaan Youtube sebagai media pembelajaran Bahasa Inggris pada masa pandemi Covid 19: *Jurnal Inovasi Pendidikan Berbantuan Teknologi*, 118-126.
- Roa'ani Mohamed & Nor Rul Azlifah Zulkafali. 2019. Keberkesanan pendekatan pedagogi terbeza dalam PdPc Bahasa Melayu kelas peralihan: Satu kajian tindakan di sebuah sekolah di Kuantan. *Journal of Sciences and Management Research* 5(2): 68-86.
- Rasmatidila, Rusi Rusmiati Aliyyah, Reza Rachmadtullah, Achmad Samsudin, Ernawulan Syaodih, Muhammad Nurtanto & Anna Riana Suryanti Tambunan. 2020. The perceptions of primary school teachers of online learning during the Covid-19 pandemic period: A case study in Indonesia. *Journal of Ethnic and Cultural Studies*, 7(2): 90-109.
- Robert Glaser. 1962. *Training Research and Education*. Pittsburg: University of Pittsburg.
- Rupini Manoharan & Zanaton Iksan. 2021. Pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pemudahcaraan Sains dalam kalangan Guru Sains Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. *Prosiding e-Kolokium Pendidikan Sains*, hlm. 340-360.
- Sarimah Binti Ismail & Nurul Izzatey Binti Ashaari. 2010. Aplikasi kaedah penyelesaian masalah dalam pengajaran kursus asas penyediaan makanan dan pemakanan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharples, M. 2000. The design of personal mobile technologies for lifelong learning. *Computers & Education*, 177- 193.
- Siow Heng Loke, Abu Talib Putih, Lee Siew Eng, Sandiyao Sebastian & Adelina Asmawi. 2005. *Pedagogi Merentas Kurikulum*. Edisi Pertama. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Siti Aishah Hassan, Norfiza Afpandy, Che Suriani Kiflee & Rorlinda Yusof. 2017. Penggunaan laman web dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. *E-proceeding of the 6th Global Summit on Education*, 120-128.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2020. Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 11(Edisi Khas): 46-57.
- Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod. 2018. Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar tingkatan 4 terhadap penggunaan Pembelajaran Persekitaran Maya VLE Frog dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(1): 53-62.
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. 2015. Tahap penggunaan Web 2.0 dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(2): 38-48.
- Syamsul Abdul Hamid, Aziah Ismail dan Rozniza Zaharudin. 2021. Kompetensi TMK guru dalam pengintegrasian TMK di sekolah rendah. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies* 3: 23-36.
- Tan Choon Keong, & Carol Abu. 2013. Pengaplikasian video Youtube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains Sosial. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi UMS*, 250-265.
- Ugartini Magesvaran. 2021. Tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi *Google Meet* dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(2): 39-53.
- Valerie Thomas & Shahlan Surat. 2021. Sorotan literatur bersestematik: Kaedah pembelajaran berasaskan masalah dan kemahiran berfikir aras tinggi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6(12): 158 – 168.

Veerasley Naidoo. 2010. Project Based Learning (PBL): An Innovative Vehicle for the Assessment of Student Learning in the Science Classroom. Tesis. Curtin University of Technology, Australia.

Yap, T. K., & Liaw, C. H. 2013. Flipped Classroom for active learning in big group lecture. *International Symposium on Advances in Technology Education*, 25-27.

Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad. 2009. *E-pembelajaran: Evolusi Internet dalam pembelajaran Sepanjang Hayat*: UKM.

Mohd Badrul Hisyam Sulong  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
p109564@siswa.ukm.edu.my

Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
munaruzanna@ukm.edu.my

M. Khalid M. Nasir  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
mdkhalid@ukm.edu.my